

**KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN E-JURNAL DI
PERPUSTAKAAN UiTM KAMPUS SEGAMAT**



MAC 2004

KANDUNGAN

SURAT PERLANTIKAN MENJALANKAN PROJEK	i
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	ii
DAFTAR AHLI PENYELIDIK	iii
PENGHARGAAN	iv
SINGKATAN	v
DAFTAR ILLUSTRASI	vi
ABSTRAK	vii

BAB 1

1.0 Pengenalan	1
1.1. Sejarah dan perkembangan e-jurnal	3
1.1.1 Projek MUSE	3
1.1.2 High Wire Press	4
1.1.3 JSTOR	4
1.2. Akses kepada e-jurnal	5
1.3 Penerbit dan Pembekal e-jurnal	6
1.4 Kelebihan e-jurnal	
2.0 Objektif kajian	8
3.0 Kepentingan Projek	8
4.0 Skop Projek	9
5.0 Definisi Terma/konsep kajian	11

BAB 2

2.0 Ulasan Kajian	12
--------------------------	----

BAB 3

3.0 Metodologi Kajian	27
3.0.1 Pilihan Sampel	28
3.0.2 Batasan kajian	29

BAB 4

4.0 Analisa dan intepretasi kajian	30
---	----

BAB 5

5.0 Rumusan dan Cadangan	
5.0.1 Rumusan	42
5.0.2 Cadangan	44

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**



UNIT PENYELIDIKAN DAN RUNDINGAN
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Segamat
85009 Segamat
JOHOR DARUL TA'ZIM

Surat Kami: 100-CJ(AKA 9/10/7)Jld.3(3)
Tarikh: 15 April 2003

En. Abdul Razak Abu
Pensyarah
UiTM Cawangan Johor
Kampus Segamat

Tuan

**KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN E JURNAL DI
PERPUSTAKAAN UiTM KAMPUS SEGAMAT.**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan Bil. 1/2003 pada 4 April 2003 telah mengambil keputusan:

- i. Bersetuju meluluskan cadangan penyelidikan yang dikemukakan oleh tuan , Che Zainab Hj. Abdullah dan Zailani Shafie.
- ii. Adalah diharapkan projek penyelidikan ini dapat ditamatkan selepas **6 bulan**, iaitu mulai 15 April 2003 dan boleh dilanjutkan sehingga lapan bulan
- iii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak RM2725.0000 sahaja.
- iv. Penggunaan geran yang diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- v. Kertaskerja boleh dibentangkan dalam seminar setelah **75% deraf awal laporan akhir** projek dihantar ke UPP untuk semakan. Walau bagaimana pun, puan perlu membuat permohonan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan.
- vi. Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan **Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan** setiap 3 bulan dari tarikh kuatkuasa . Laporan akhir perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan. Format menulis laporan akhir boleh diperolehi di Unit Penyelidikan dan Perundingan.

Bersama-sama ini disertakan perjanjian untuk ditandatangani. Sila penuhkan perjanjian berkenaan dengan menggunakan pen dakwat hitam dan kembalikan ke Unit Penyelidikan dan Perundingan.

“SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN”

Yang benar



PROF. MADYA DR. HAJI MOHAMED HASHIM BIN MOHD KAMIL
Pengarah Kampus
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Segamat

- s.k. 1) Koordinator
Unit Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Segamat
- 2) Timbalan Bendahari
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Segamat

AMWshida@hhea02

Abdul Razak bin Abu
Pensyarah
UiTM Cawangan Johor
Kampus Segamat.

1 April 2004

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)
UiTM Shah Alam.

Yg. Bhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN
PERKHIDMATAN E-JURNAL DI PERPUSTAKAAN UiTM KAMPUS
SEGAMAT”.**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah laporan akhir penyelidikan bertajuk “Kajian tahap penggunaan perkhidmatan e-jurnal di Perpustakaan UiTM kampus Segamat”

Sekian terima kasih.

Yang benar,

ABDUL RAZAK ABU
Ketua Projek

KUMPULAN PENYELIDIK

**ABDUL RAZAK ABU
Ketua Projek**

.....
Tandatangan

Ahli-ahli Projek

Che Zainab Hj. Abdullah

.....
Tandatangan

Zailani Shafie

.....
Tandatangan

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T.serta salam kepada junjumgan besar nabi Muhammad S.A. W. Kami (penulis) bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya kajian ini siap disempurnakan.

Melalui ruangan ini, kami ingin mengambil kesempatan merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengarah, pihak URDC (Unit Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersilan) UiTM Cawangan Johor kerana memberi peluang kepada kami untuk mengusahakan kajian ini serta memberi komen-komen yang membina kearah persiapan dan penulisan kajian ini.

Setinggi terima kasih ingin ditujukan kepada semua pensyarah dan pelajar-pelajar UiTM Cawangan Johor yang telah memberi kerjasama dalam proses penghasilan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada unit pencetakan dan perpustakaan UiTM Cawangan Johor yang memberi banyak kemudahan dalam menyiapkan hasil kerja kami.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat diatas kesudian memberi sokongan moral, material dan peluang untuk kami menjayakan kajian ini.

SINGKATAN

BIDS	Bath Information and Data
BLEND	Electronic Information Exchange System & Birmingham
BPO	Business Periodical On Disc
CD ROM	Compact Disc Read Only Memory
CGPA	Cumulative Grade
E- Journal	Electronic Journal
ELVYN	Electronic Version, Why Not
IDEAL	International Digital Electronic Access Library
ICT	Information Communication Technology
HTML	Hyper Text Mark -up Language
JBC	Journal of Biological Chemistry
JSTOR	Journal Storage
PTAR	Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UIA	Islamic International University
WWW	World Wide Web

DAFTAR JADUAL

Jadual 1:	Pecahan responden.
Jadual 2.1	Pensyarah mengetahui dan menggunakan perkhidmatan e-jurnal.
Jadual 2.2:	Pelajar mengetahui dan menggunakan perkhidmatan e-jurnal.
Jadual 3:	Kekerapan penggunaan e-jurnal.
Jadual 4:	Tujuan menggunakan e-jurnal.
Jadual 5:	Kumulatif bersetuju kepada kepentingan e-jurnal dalam proses pembelajaran bagi Pelajar.
Jadual 6:	Kumulatif bersetuju kepada kepentingan e-jurnal dalam proses Penyelidikan dan pembelajaran bagi Pensyarah.
Jadual 7:	Kumulatif halangan bagi mengakses e-jurnal di Perpustakaan bagi Pelajar.
Jadual 8:	Kumulatif cadangan membaiki perkhidmatan e-jurnal di Perpustakaan bagi Pelajar.
Jadual 9:	Kepuasan perkhidmatan yang diberikan oleh Perpustakaan.
Jadual 10:	Kadar kepuasan mengakses/membuat pencarian atas talian.

ABSTRAK

Maklumat sentiasa berkembang dan dalam pelbagai media serta bentuk. Masyarakat Universiti sentiasa dahagakan maklumat dan pihak perpustakaan berusaha untuk memenuhi selera maklumat penggunanya. Jurnal elektronik atau e-jurnal adalah alternatif kepada sumber maklumat yang penting berasaskan perkembangan didalam teknologi maklumat masakini.

Kajian ini mengupas serta menilai tahap penggunaan sumber maklumat elektronik ini dikalangan pengguna perpustakaan iaitu pensyarah serta para pelajar di UiTM Kampus Segamat. Kajian juga melihat kepentingan serta potensi e-jurnal didalam proses pembelajaran pelajar dan nilai pengajaran serta penyelidikannya kepada pensyarah.

Hasil kajian mendapati bilangan penggunaan perkhidmatan e-jurnal yang disediakan oleh pihak Perpustakaan agak tinggi bagi pensyarah tetapi masih rendah bagi para pelajar. Rata-rata responden berpendapat perkhidmatan e-jurnal adalah penting kepada mereka di dalam proses pembelajaran serta penyelidikan dan mencadangkan penambahan komputer serta judul e-jurnal sediada di Perpustakaan.

**KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN E-JURNAL DI
PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS
SEGAMAT.**

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Sesebuah perpustakaan universiti berperanan bagi menanam serta menyemai perkembangan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang perlu kepada warga kampus bagi menghadapi pembangunan diri sesuai untuk membangunkan masyarakat. Oleh kerana itu perpustakaan akademik menyokong pembelajaran dan keperluan penyelidikan institusi. Menjadi tanggungjawab universiti menyediakan bahan bacaan serta rujukan yang mencukupi bagi keperluan para penggunanya. Diantara bahan bacaan serta rujukan yang utama di sesebuah perpustakaan akademik adalah jurnal ilmiah. Kini perkhidmatan jurnal dapat dikategorikan kepada dua format iaitu jurnal bercetak dan jurnal elektronik.

Istilah e-jurnal atau elektronik jurnal membawa pelbagai maksud dan pemahaman. Ia merangkumi penyebaran jurnal didalam bentuk arkib elektronik hinggalah kepada jurnal yang di cetak didalam format elektronik. Menurut Harrod's Librarians' Glossary and Reference Book (9th. Ed), e-jurnal membawa maksud "a journal for which the full end product is available on optical disc, over

a network or in any other electronic form. Strictly, a journal in which all aspects of preparation, refereeing, assembly and distribution are carried out electronically.”

Maksud lain bagi e-jurnal adalah apa jua jurnal, majalah, newsletter atau penerbitan berkala didalam format elektronik yang dapat diakses melalui Internet. Maka oleh kerana itulah istilah e-jurnal juga dikaitkan dengan penerbitan elektronik (electronic publishing), electronic serials, jurnal diatas talian (online journals) dan electronic periodicals. Walaubagaimanapun istilah e-jurnal telah di terimapakai oleh kebanyakan pakar dan pengguna maklumat. Menurut Jones (1998), walaupun pengguna memberikan pelbagai nama bagi menggambarkan e-jurnal, namun faktanya ia boleh diperolehi secara elektronik melalui saluran komputer atau jaringan komputer dan pangkalan data (databases).

Menurut Fecko (1997), ciri-ciri utama e-jurnal adalah:

- i. Ia boleh dipersembahkan melalui komputer;
- ii. Ia boleh dibaca oleh lebih dari seorang pengguna pada sesuatu masa.
- iii. Pencarian teks boleh dilakukan;
- iv. Isi kandungan nya meliputi multimedia dan pelbagai warna;
- v. Ia dapat dihasilkan lebih cepat berbanding jurnal bercetak;
- vi. Interaktif serta dapat mengujudkan pertukaran idea melalui e-mail;
- vii. Artikel dapat di perolehi secara terus menggunakan abstrak dan indeks;

- viii. Isi kandungannya boleh di cetak semula, dikirimkan kepada seseorang atau diubahsuai.

1.1 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN E-JURNAL

Sejarah perkembangan e-jurnal bermula sebagai suatu projek saintifik. Ia lebih merupakan kerjasama diantara pihak universiti dengan penerbit swasta. Di UK, Projek BLEND (1980-1985) adalah antara projek e-jurnal yang pertama dihasilkan. Projek ini telah berjaya mengumpulkan artikel-artikel kepada empat jenis jurnal iaitu jurnal rujukan; jurnal poster; perisian ulasan jurnal; dan jurnal bibliografik. Kemudian Projek Quartet berhasil mencipta jurnal elektronik bercirikan hypertext. Kemudian Projek ELVYN berjaya mengujudkan e-jurnal menerusi menggunakan Internet bagi kegunaan pengguna menerusi jaringan kampus (campus network). Berikut adalah diantara beberapa projek besar yang menjadi peristiwa kearah keujudan perkhidmatan e-jurnal:

1.1.1 Projek MUSE

Project MUSE pada tahun 1993 adalah kerjasama diantara Perpustakaan Universiti John Hopkins USA dengan pihak University Press. Hasil kerjasama ini telah menyebabkan pihak perpustakaan dapat menyediakan perkhidmatan lebih 100 e-jurnal didalam bidang Kemanusiaan, Sain Sosial dan matematik. Akibat perkembangan didalam bidang kerjasama ini dan permintaan yang semakin

meningkat kepada perkhidmatan e-jurnal (sekitar tahun 1996 – 1997) maka ujudlah perkhidmatan berasaskan bayaran atau “fee-based e-jurnal”.

1.1.2 High Wire Press

Perpustakaan Universiti Stanford dengan kerjasama HighWire Press telah menghasilkan sebuah jurnal berjudul Journal of Biological Chemistry (JBC) pada tahun 1995. Jurnal ini diterbitkan secara atas talian setiap minggu. Menjelang March 2001, High Wire telah berjaya menerbitkan 240 jurnal atas talian didalam bidang sain dan teknologi dan perubatan.

1.1.3 JSTOR

Bermula dari sebuah organisasi yang ditubuhkan tidak berdasarkan keuntungan pada bulan Ogos 1995. Objektif utama penubuhan adalah untuk meringankan beban yang dihadapi oleh perpustakaan didalam menyediakan sumber rujukan maklumat kepada pengguna. Masalah utama setiap perpustakaan ketika itu adalah tidak mampu menyediakan ruang simpanan jurnal bercetak terdahulu (backfiles). Dari situ JSTOR telah menghasilkan satu pengkalan data jurnal berkenaan yang dapat diakses secara elektronik didalam kampus.

Kini e-jurnal boleh diperolehi didalam dua kategori utama iaitu; e-jurnal yang diterbitkan seiringan dengan jurnal bercetak dan e-jurnal yang cuma disediakan didalam bentuk elektronik sahaja.

1.2 AKSES KEPADA E-JURNAL

Untuk memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan e-jurnal, akses kepada nya adalah penting. Akses termasuk melihat (browse) dan membuat pencarian dengan cara yang paling mudah dan berkesan. Pengguna yang ingin mendapatkan akses kepada e-jurnal perlu ada akses kepada IT yang sesuai iaitu komputer dan peralatan perhubungan (network). Selain daripada itu pengguna juga perlu mempunyai kemahiran asas menggunakan e-jurnal.

Banyak perkara serta isu yang terpaksa dihadapi oleh pihak perpustakaan bagi mengadakan perkhidmatan ini kepada pengguna. Selain dari menyediakan peralatan serta perkakasan komputer, pihak perpustakaan juga perlu memikirkan jumlah akses yang diperlukan. Akses kepada perkhidmatan e-jurnal disediakan oleh Penerbit ataupun pembekal yang dilantik (Aggregators). Pembekal adalah agen yang bertindak membekalkan beberapa judul e-jurnal kepada pihak perpustakaan dengan persetujuan penerbit berkenaan. Jadi adakalanya perpustakaan tidak perlu melanggan kepada setiap penerbit memadai langganan dibuat melalui seorang agen yang akan membekalkan beberapa judul e-jurnal. Perlu dimaklumkan bahawa akses kepada perkhidmatan e-jurnal ditentukan hasil persetujuan yang telah dicapai oleh Perpustakaan (pemohon) dengan Penerbit atau aggregators (pembekal). Yuran atau bayaran bagi perkhidmatan ini bergantung kepada jumlah lesen pengguna (user license) yang dipohon oleh pihak

Perpustakaan (semakin banyak bilangan lesen semakin mahal bayaran nya).

Namun begitu ada juga perpustakaan yang melanggan secara “unlimited user”.

Kebanyakan perkhidmatan e-jurnal ini dapat diakses secara terus dari laman web Penerbit. Kebiasanya jika perpustakaan melanggan, pihak Penerbit mengenakan bayaran tambahan bagi setiap komputer (nodes) bagi pengguna mengakses e-jurnal. Internet dan The World Wide Web (WWW) adalah penggerak kepada perkembangan e-jurnal masa kini.

1.3 PENERBIT DAN PEMBEKAL E-JURNAL

Saperti yang telah diterangkan awal tadi, e-jurnal bermula dari projek usahasama diantara pihak universiti dengan penerbit swasta. Objektif utama nya adalah untuk menjadikan perkhidmatan jurnal mudah disediakan oleh pihak perpustakaan bagi kegunaan pengguna dan melibatkan kos yang minima. Pada ketika itu diantara penerbit yang popular menghasilkan serta menyediakan perkhidmatan e-jurnal adalah Academic Press, Chapman-Hall, Elsevier dan Springer.

Namun begitu masa kini perkhidmatan e-jurnal telah menjadi suatu perkhidmatan komersil yang telah diambil alih Pembekal (aggregators) yang bertindak sebagai agen kepada penerbit e-jurnal. Antara penerbit komersil yang popular adalah IDEAL (International Digital Electronic Access Library), Elsevier Science Direct, D-Lib, Blackwells, EBSCO Online, dan banyak lagi.

1.4 KELEBIHAN E-JURNAL

E-jurnal memiliki beberapa kelebihan berbanding jurnal bercetak. Namun kelebihan ini bergantung kepada individu yang menggunakan perkhidmatan ini. Banyak faktor-faktor lain juga boleh diambil kira bagi menentukan samada e-jurnal lebih baik atau lebih mudah berbanding jurnal bercetak. Diantara beberapa kelebihan yang boleh menjadi potensi kepada e-jurnal adalah:

i. Mudah digunakan;

secara teori nya, e-jurnal amat mudah untuk digunakan. Berbanding format cetak, pengguna tidak perlu risau kerana jurnal yang diperlukan sudah rosak dan sedang dijilid, atau boleh membaca artikel dari jurnal walau dimana mereka berada (tidak terhad didalam perpustakaan sahaja) asalkan ada komputer yang ada jaringan Internet.

ii. Jimat ruang

Adalah menjadi polisi perpustakaan untuk menyimpan jurnal lama kerana nilai maklumat nya. Akibat nya banyak ruang diperlukan untuk menyimpan koleksi jurnal secara fizikal. E-jurnal tidak memerlukan ruang (bagi menyimpan jurnal secara fizikal).

iii. Maklumat terkini

Penerbitan jurnal secara ‘online’ lebih cepat dan maklumat sampai kepada pembaca dengan segera.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengupas serta mendapat maklumbalas pengguna perpustakaan (pelajar dan pensyarah) terhadap perkhidmatan maklumat e-jurnal yang disediakan oleh Perpustakaan UiTM Kampus Segamat, Johor.
2. Mengetahui tahap kesedaran serta penggunaan/kemahiran e-jurnal oleh pelajar dan pensyarah UiTM Kampus Segamat didalam proses memperkayakan diri dengan ilmu dan maklumat.
3. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar serta pensyarah didalam penggunaan perkhidmatan e-jurnal yang disediakan oleh Perpustakaan UiTM Kampus Segamat.
4. Mengenalpasti keperluan masa hadapan dan kepentingan e-jurnal serta perancangan oleh pihak Perpustakaan didalam penyediaan perkhidmatan serta langganan jurnal elektronik.

3.0 KEPENTINGAN PROJEK

1. Untuk mencadangkan kepada pihak Perpustakaan langkah-langkah bagi mengatasi masalah pencarian maklumat menggunakan e-jurnal.
2. Mencadangkan latihan serta kemahiran didalam penggunaan maklumat elektronik dikalangan pelajar serta pensyarah UiTM Kampus Segamat, Johor.

3. Membantu pihak pengurusan Perpustakaan didalam menentukan polisi langganan e-jurnal dimasa akan dating serta menilai keberkesanan kos diantara melanggan jurnal elektronik berbanding jurnal bercetak.
4. Menentukan sejauhmanakah pentingnya e-jurnal dapat membantu didalam proses pembelajaran serta penyelidikan.
5. Meningkatkan budaya ilmu dikalangan warga universiti, khususnya UiTM kampus Segamat.

4.0 SKOP PROJEK

Projek penyelidikan ini akan menilai tahap penggunaan, keberkesanan serta kepentingan sumber maklumat elektronik (E-Jurnal) sebagai sumber rujukan pelajar serta pensyarah didalam proses pembelajaran dan penyelidikan mereka. Tumpuan kajian juga akan meliputi penekanan kepada tahap kesedaran pembudayaan pencarian ilmu dan maklumat dikalangan pelajar dan pensyarah di UiTM Kampus Segamat, Johor. Selain dari itu, kajian ini juga merupakan usaha awal untuk mengetahui tentang budaya dan kemahiran ICT serta kecekapan pencarian maklumat berdasarkan sumber elektronik oleh pelajar serta pensyarah di UiTM kampus Segamat.

Kajian akan menilai tahap penggunaan perkhidmatan e-jurnal yang dilanggan oleh Perpustakaan UiTM kampus Segamat serta tiga (3) judul e-jurnal langganan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam. Kesemua judul e-

jurnal ini dapat diakses melalui laman web (Internet) menggunakan kata laluan.

Kata aluan diberikan oleh pihak Perpustakaan kerana tanpa kata laluan ini pengguna tidak akan dapat membuat pencarian maklumat. Setiap e-jurnal menyenaraikan artikel jurnal didalam bidang perkara tertentu. Berikut adalah judul e-jurnal yang termasuk didalam kajian:

i. INFOTRAC

(Meliputi bidang perniagaan, kemanusiaan dan pengurusan)

Alamat Web: http://infotrac.galegroup.com/itwb/uitm_jhr

ii. EBSCOHOST

(Meliputi bidang perniagaan pengurusan, ekonomi, kewangan dll)

alamat web: <http://search.epnet.com/login.asp>

iii. PROQUEST

(Meliputi bidang perniagaan, pengurusan, kemanusiaan serta umum)

Alamat Web: <http://www.umi.com/proquest>

iv. EMERALD

(Meliputi bidang sains maklumat dan pengurusan maklumat)

Alamat Web: <http://www.emeraldinsight.com>

Responden bagi kajian ini terdiri daripada pelajar dan pensyarah di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

5.0 DEFINISI TERMA/KONSEP

i. Jurnal

Webster ‘s Third New International Dictionary of English Language mendefinisikan jurnal sebagai “ a periodical publication, especially dealing with matters of current interest; often used of official or semi-official publications of special groups”.

ii. E-Jurnal

Jurnal yang diterbitkan didalam bentuk elektronik yang dapat di akses melalui laman web (Internet). Akses kepada perkhidmatan e-jurnal ini adalah melalui langganan pihak perpustakaan dan pengguna dibekalkan dengan kata laluan bagi mengaktifkan pencarian.

ii. Pelajar

Pelajar atau penuntut dari semua program yang sedang menuntut di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat tahun 2003.

iii. Pensyarah

Kakitangan akademik atau tenaga pengajar dari semua program/kursus yang berkhidmat di UiTM Cawangan Johor, kampus Segamat tahun 2003.

**KAJIAN TAHAP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN E-JURNAL DI
PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS
SEGAMAT.**

BAB DUA

2.0 ULASAN KAJIAN

E-jurnal boleh ditakrifkan sebagai jurnal termasuk perkhidmatan indeks serta abstrak nya yang disediakan melalui kaedah elektronik seperti Internet dan CD-ROM yang dilanggan oleh sebuah Perpustakaan melalui Pembekal. Diantara pembekal yang popular menjual perkhidmatan langganan kepada pangkalan data ini adalah Springer, EBSCO, PROQUEST, Emerald, Wilson dan lain-lain lagi. Dengan mengenakan bayaran (tahunan), Perpustakaan yang melanggan akan dibekalkan dengan ID Pengguna dan kata-laluan bagi mendapat akses kepada pangkalan data.

Perkhidmatan majalah elektronik adalah suatu phenomena biasa di perpustakaan masakini. E-Jurnal mewakili sebahagian besar permintaan maklumat pengguna di perpustakaan akademik dan kian berkembang pengaruhnya masakini. Perkhidmatan e-jurnal bermaksud perkhidmatan kepada artikel-artikel majalah yang dilanggan dan boleh di akses melalui atas talian (online). Perkhidmatan ini adalah berbayar dan dibekalkan oleh sebuah Syarikat atau Penerbit. Biasanya Perpustakaan akan melanggan kepada

perkhidmatan ini dan pihak pembekal/penerbit akan memberi kata laluan atau “password” untuk mengaktifkan perkhidmatan ini.

Jurnal elektronik menjanjikan perubahan besar didalam proses pembelajaran serta penyelidikan ilmiah. Sumber kepada maklumat kini pelbagai dan e-jurnal adalah antara sumber ilmu yang kian digunakan. Perpustakaan khususnya Perpustakaan akademik kini amat menitik beratkan kepelbagaian sumber ilmu bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan para pelajar serta tenaga pengajarnya.

Terdapat banyak penulisan serta bahan bacaan yang memperkatakan tentang jurnal elektronik ini. Mungkin kerana perkembangan didalam bidang teknologi maklumat serta kepekaan pengguna kepada ilmu maka isu ini menjadi begitu relevan masa kini. Terdapat banyak penyelidikan serta artikel yang memperkatakan tentang jurnal elektronik ini dari perspektif peranan serta kelebihannya, isu-isu berkaitan akses dan penerimaan pengguna terhadap perkhidmatan ini. Kajian literature juga mendapati banyak penulis membicarakan tentang perubahan fungsi serta peranan Perpustakaan didalam era maklumat digital ini. Tidak kurang juga penulis yang melihat perkembangan didalam maklumat elektronik ini sebagai suatu perkembangan yang positif kearah meningkatkan lagi sumber maklumat pengguna serta meningkatkan prestasi akademik dan kualiti penyelidikan.

Menurut Chowdhury (2001), jurnal elektronik mula berkembang mulai tahun 1991 hingga 1997 dan menjadi salah satu daripada bahan koleksi utama didalam sesebuah